

Limitasi pemikiran menyukarkan kanak-kanak

MENURUT Kaunselor Berdaftar / Perunding Psikologi Kanak-Kanak, Remaja dan Dewasa, Universiti Putra Malaysia, Siti Fatimah Abdul Ghani, istilah buli itu hanyalah terma yang digunakan bagi gambaran tingkah-laku yang negatif atau mengkhianati orang lain secara agresif dan provokasi. Istilah lebih sesuai dalam kalangan anak yang masih kecil adalah nakal dan degil serta anak agresif. Mereka ini perlu mendapat bimbingan sosial yang sepatutnya bagi memperbaiki kesalahan tingkah laku di peringkat awal.

Beliau berkata, banyak faktor yang mendorong kesalahan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak, antaranya, persekitaran sosial; gaya keibubapaan yang over protective atau terlalu mengawal sehingga menimbulkan desakan dan pendaman perasaan secara diam-diam; anak-anak memberontak dari dalam dan hanya meluahkan ketika bersama rakan-rakan mereka dan kesan buruk daripada pengaruh media sosial/ media massa yang memaparkan tingkah laku devian secara tidak langsung.

Menurutnya, limitasi pemikiran sebenarnya menyukarkan kanak-kanak untuk memilih tindakan yang sesuai. Rasa takut dengan ancaman yang datang, berfikir singkat, sukar mengawal atau mempertahankan keselamatan diri, tidak berani untuk melaporkan kejadian kepada yang lain, sokongan sosial dan kebajikan di persekitarannya gagal memainkan peranan yang baik serta pemupukan disiplin murid di sekolah gagal membentuk budaya dan etika sosial yang berkesan.

"Antara perbuatan yang boleh dikategorikan buli adalah ugutan, kes curi atau kehilangan barang mahu pun kerosakan harta milik pelajar yang lain berlaku secara berulang kali dan arahan melakukan sesuatu perbuatan atau tugas tanpa kerelaan. Jika gagal melakukannya mereka akan menerima ugutan atau kecaman fizikal."

"Celaan atau cercaan dan makian yang dilakukan sehingga memberi tekanan kepada pelajar yang lain. Gangguan fizikal, sering diaibkan di khalayak, gangguan seksual atau menjadi mangsa pencabulan, konflik peranan dan

engsterisme serta jenayah atau buli siber," katanya.

Kenali pasti tanda amaran

Ibu bapa dan guru kelas perlu belajar untuk mengenal pasti tanda-tanda amaran atau red flags bahawa anak mereka menjadi mangsa buli.

"Sebagai penjaga, ibu bapa harus memberikan tumpuan dan perhatian kepada tingkah laku anak-anak serta peka dengan sebarang perubahan yang ada. Memberi didikan sepenuhnya tentang kemahiran jati diri agar anak-anak mampu mempertahankan diri daripada kes buli. Menjadi rakan kepada anak-anak dengan memperuntukkan masa bersama anak-anak. Keakraban anak-anak dan ibu bapa membolehkan perkongsian masalah berlaku dalam suasana yang harmoni."

"Di pihak sekolah pula perlu bekerjasama dengan pihak polis dengan melakukan pemantauan berterusan di sekolah dan asrama bagi membuktikan kesungguhan pihak pengurusan serta kerajaan dalam menangani isu ini. Masalah yang berlaku dalam pentadbiran kita pada hari ini adalah tidak telus dalam mengutarakan kebenaran," katanya.

Beliau berkata, pihak sekolah perlu mewujudkan medium khas untuk proses laporan seperti SOP (Standard of Procedures) secara konsisten dan menyeluruh. Perlu ada bengkel latihan kes-kes tatatertib sekolah secara kebangsaan dan tak boleh pandang remeh atau menganggap mangsa yang mengadu terlalu manja atau mengada-ngada. Perlu kaji kesahihan aduan tersebut.

Selain itu katanya, perlu mewujudkan satu budaya bebas buli di sekolah secara konsisten dan meluas sekali gus mewujudkan sistem disiplin yang ketat bagi kes-kes buli. Pihak sekolah boleh juga menaikkan papan notis amalan-amalan murni bagi pendidikan secara tidak langsung. Di samping memberikan perhatian dan memandang serius kepada laporan kes buli.

Mengesan tanda-tanda kes buli

1. Perubahan tingkah laku yang agak pasif dan seperti takut-takut untuk menyuarakan pandangan dan mempertahankan diri.
2. Reaksi wajah yang tidak ceria, sedih serta bermasalah
3. Terlalu menyendiri/terasing dan sering dilihat mengelak daripada kelompok sosial
4. Sukar berinteraksi dengan orang lain dan raut wajah yang tidak yakin serta ketakutan.
5. Perubahan personaliti secara mendadak.

"Keberkesanannya perkhidmatan kaunseling di sekolah perlu dikaji semula. Yakni dengan memaksimumkan budaya satu sekolah; satu keluarga. Galakkan lebih ramai warga sekolah menjadi mata dan telinga kepada pihak sekolah untuk menangani kes buli."

"Latihan dan program kebajikan sosial juga perlu dipertingkatkan bagi menerapkan budaya prihatin dalam kalangan warga sekolah. Wujudkan juga medium perantaraan antara pelajar dengan pihak sekolah bagi menyalurkan maklumat jika berlaku kes buli," katanya.

